

97
SOALAN NO. 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAAANI A/P PATTO

[BATU KAWAN]

TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah "stalking" atau menghendap akan dijenayahkan seperti yang diwar-warkan oleh Kerajaan dan bilakah Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga akan dikemas kini serta bilakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan Akta Gangguan Seksual.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin terhadap keperluan perundangan baharu bagi membantu dan melindungi masyarakat terutamanya golongan wanita dan institusi keluarga.

Pada masa ini, masih belum terdapat perundangan khusus mengenai *stalking* dan gangguan seksual. KPWKM sedang meneliti keperluan untuk mengadakan perundangan yang sesuai terhadap perbuatan *stalking* dan gangguan seksual. Dalam hal ini, Kementerian akan mengadakan beberapa sesi konsultasi bersama semua pihak berkepentingan bagi memperhalusi perkara tersebut.

99
Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] yang seragam di semua agensi, KPWKW telah menyediakan Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga pada tahun 2015. Garis panduan ini mengandungi peranan agensi-agensi utama dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga. Selaras dengan pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga pada penghujung tahun 2017, usaha giat sedang dijalankan oleh pihak KPWKW bersama agensi di bawahnya untuk meneliti prosedur operasi standard bagi membolehkan Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga dikemas kini dengan kadar segera.

Garis Panduan yang dibangunkan oleh KPWKW merupakan satu inisiatif ke arah kerjasama yang lebih erat antara semua agensi yang mengendalikan kes keganasan rumah tangga supaya bantuan dapat diberi secara menyeluruh, efisien dan berkesan. Garis panduan ini juga bertujuan untuk mengelakkan pertindihan tugas dan fungsi antara satu agensi dengan agensi lain yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga.

KPWKM sedar bahawa Garis Panduan ini bukanlah suatu yang statik yang mana semakan akan dibuat agar ia sentiasa dinamik dengan keperluan semasa, bagi menilai kelemahan dan kekurangan, seterusnya membuat penambahbaikan yang bersesuaian.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini sangat komited dalam menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan kumpulan sasar. Pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga pada tahun 2017 adalah antara langkah terkini yang diambil dalam memperkasakan perlindungan dan hak mangsa keganasan rumah tangga. Penyediaan Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari memberi perkhidmatan kecemasan, pertanyaan dan aduan mengenai kebajikan dan kemasyarakatan yang berfungsi sebagai *single point of contact* kepada orang awam. Penganjuran Tahun Memperkasa Wanita 2018 menunjukkan bahawa selain ingin meningkatkan martabat wanita dalam komuniti masyarakat, Kerajaan pada masa yang sama berusaha untuk melindungi wanita daripada sebarang bentuk perlakuan yang boleh memudaratkan wanita.